



JOHAN Damselini (jempol dari kiri) bersama Pengarah Perhubungan Korporat dan Strategi Digi, Turku Alizakri Raja Muhammad Alias dan wakil pelajar Sekolah Sains Kuala Selangor melancarkan program Deep Green NOW hari-baru ini.

# Hutan Bakau

## Kuala Selangor dipertahan





PA pengajaran terbesar untuk kita selepas kejutan tsunami 24 Disember 2004 lalu?

Selain kemusnahan yang cukup besar sehingga mengorbankan 57 nyawa sudah tentulah kita akhirnya menyedari akan kepentingan perlindungan dan pemuliharaan hutan bakau di persisiran pantai.

Hutan yang sering dikorbankan oleh usahawan kolam udang itu terbukti berperanan penting sebagai benteng terbaik fenomena semula jadi persisiran pantai termasuk tsunami.

Malapetaka itu secara tidak langsung telah memangkin pemuliharaan hutan-hutan bakau, di Malaysia dan juga negara-negara lain yang terjejas.

Hutan bakau bukan sahaja penting untuk melindungi kawasan persisiran pantai daripada air pasang luar biasa, musim tengkujuh dan hakisan tetapi juga berperanan penting bagi memampakan fenomena pemanasan global.

Melalui kebolehan hutan bakau menyimpan karbon, ia membantu mengawal keseimbangan dan jumlah karbon dioksida dalam udara seterusnya mengurangkan jumlah dan impak dari gas-gas rumah hijau.

DiGi Telecommunications Sdn. Bhd.

(DiGi), barangkali syarikat ICT yang paling aktif dalam pelbagai inisiatif menangani perubahan cuaca di Malaysia.

Terbaru, mereka melancarkan *The Mangrove Treasures of Kuala Selangor*, projek pertama dalam program *Deep Green NOW*, iaitu projek memelihara hutan bakau Kuala Selangor melibatkan pemuliharaan dan menghidupkan semula ekosistem tersebut.

Lebih bermakna projek DiGi turut melibatkan enam buah sekolah menengah daerah Kuala Selangor, selain kerjasama dengan penerima sulung Anugerah Merdeka yang mengiktiraf sumbangan ulung kepada kebaikan dan kemajuan Malaysia untuk Kategori Alam Sekitar, Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS).

### **Kehilangan bakau terburuk**

Sekolah-sekolah yang terlibat termasuk Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz, Sekolah Sains Kuala Selangor dan Sekolah Menengah Sri Tanjung.

Sekolah yang lain ialah, Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman Shah, Sekolah Menengah Tiram Jaya dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Harun.

Ketua Pegawai Eksekutif DiGi, Johan Denielind berkata projek itu

antara lain bertujuan menarik generasi muda bagi terlibat aktif untuk meningkatkan kesedaran dan memelihara ekosistem bakau kawasan tersebut.

Katanya, kemerosotan hutan bakau negara mesti diberi perhatian serius memandangkan Malaysia adalah salah satu daripada lima negara yang mengalami kehilangan

bakau paling buruk dunia sejak 1990 akibat tebusguna tanah.

Selain itu, katanya, Laporan Penilaian Hutan Bakau Dunia (1980-2005) daripada Pertubuhan Makanan dan Pertanian, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (FAO) melaporkan lebih separuh daripada 3.6 juta hektar hutan bakau Asia telah dimusnahkan sejak tahun 1980.

"Di Asia, lebih 1.9 juta hektar hutan bakau telah dimusnahkan dalam masa yang singkat khususnya untuk dijadikan kolam ikan dan udang selain pertanian, infrastruktur dan pelancongan.

"Ini amat merunsingkan. Telah tiba masanya untuk kita berhenti menunggu sebaliknya mengambil tindakan segera," katanya.

Bersama MNS, DiGi mahu memperkasakan masyarakat Kuala Selangor dan meningkatkan kesedaran serta pemahaman mereka tentang peranan utama hutan bakau dan ekosistem persisiran pantai yang

telah menyokong kehidupan mereka.

Secara keseluruhan, seramai 120 pelajar tingkatan 1, 2 dan 4 terlibat dalam projek komuniti melibatkan tiga fasa iaitu *Engage*, *Activate* dan *Empower* itu.

Modus operandi projek ini ialah MNS akan membimbing para pelajar dan sukarelawan DiGi untuk menanam semula hutan bakau bagi memelihara ekologi bakau Kuala Selangor yang cukup sensitif.

Fasa pertama, termasuk menanam semula anak-anak bakau, pemantauan kualiti tanah dan air serta mengesan dan melaporkan sebarang perubahan dalam penanda-penanda biodiversiti untuk populasi tumbuhan dan hidupan liar.

Fasa seterusnya melibatkan program pendidikan alam sekitar dan satu kurikulum khusus berkenaan perubahan cuaca di sekolah-sekolah terlibat.

DiGi juga akan menggalakkan penubuhan Kelab Alam Semulajadi di sekolah-sekolah bagi membolehkan kumpulan perintis itu berkongsi pengetahuan dan pengalaman kepada rakan-rakan lain.

Denielind yakin bahawa platform alam sekitar yang disemai kepada pelajar itu bakal 'menjangkiti' lebih banyak lebih ramai ahli masyarakat untuk turut sama melindungi hutan bakau.

Layari [www.digi.com.my/deepgreen/](http://www.digi.com.my/deepgreen/) atau [www.mns.org.my](http://www.mns.org.my) untuk maklumat lanjut.